

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1987/88

HKN 204 - Kesusasteraan Bercorak Islam di Nusantara

Tarikh: 2 November 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari.
(3 jam)

Jawab EMPAT(4) soalan. DUA(2) soalan daripada Bahagian A dan DUA(2) soalan daripada Bahagian B.
Asingkan jawapan anda untuk tiap-tiap bahagian.

BAHAGIAN A - Jawab DUA(2) soalan

1. "Kedatangan Islam di Alam Melayu membawa perubahan dalam makna, bentuk dan struktur, tujuan dan matlamat dalam kesusasteraan berbanding dengan kesusasteraan agama-agama lain sebelum Islam di Alam Melayu."

Bincangkan sama ada anda bersetuju atau tidak dengan kenyataan tersebut.

2. Bagaimanakah pengarang kesusasteraan Melayu Islam menerapkan fahaman 'Al-Din' di dalam karya-karya mereka? Berikan beberapa contoh yang anda ketahui dan tunjukkan dengan jelas penerapan fahaman tersebut dalam karya kesusasteraan Melayu/Islam.
3. Terdapat banyak kesamaan di antara Hikayat Nur Muhamamud dan Rubai Hamzah Fansuri walaupun keduanya tergolong dalam genre yang berlainan. Dengan memberi tumpuan kepada soal kosmologi terutamanya tentang hakikat diri dan kejadian manusia, tunjukkan kesamaan antara karya tersebut.
4. "Dari aspek bahasa, isi, struktur dan matlamat, Tajus Salatin boleh dianggap sebagai satu karya yang ulung dalam kumpulan karya sastera ketatanegaraan.

Bagaimanakah anda menilai kenyataan ini?

BAHAGIAN B - Jawab DUA(2) soalan

5. Tema merupakan unsur yang kuat untuk menjalinkan plot antara cerita induk dan cerita sisipan dalam hikayat-hikayat berbingkai.

Bincangkan pendapat itu berdasarkan salah sebuah cerita berbingkai.
6. Watak Siti Zubaidah di dalam Syair Siti Zubaidah adalah menepati konsep seorang wira di dalam cerita penglipur lara. Apakah pandangan anda?
7. Pada zaman transisi Hindu-Islam telah berlaku proses pengislaman terhadap epik dan roman Hindu. Tunjukkan proses tersebut berdasarkan Hikayat Si Miskin ATAU Hikayat Seri Rama.
8. Bolehkah Hikayat Malek Saiful-Lizam diterima sebagai sebuah epik berdasarkan watak dan struktur hikayat tersebut?

-ooo000ooo-